



2023

ANUGERAH INOVASI TERBUKA (AI TERBUKA)

PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

SISTEM TUNTUTAN RAWATAN PERUBATAN (eKLINIK)

Alamat : No. 1 Wisma MDK, Jalan Padang,
34200 Parit Buntar
Portal : www.mdkerian.gov.my
Emel : pentadbiran@mdkerian.gov.my
No. Telefon : 05-716 1228

RINGKASAN EKSEKUTIF

Sistem Tuntutan Perubatan (eKlinik) ini diperkenalkan adalah untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan harian selaras dengan agenda transformasi kerajaan iaitu transformasi sektor awam berteraskan inovasi, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Revolusi Industri 4.0.

eKlinik ini juga membolehkan pengguna untuk menyemak, menuntut dan menghantar bayaran yang dikenakan kepada anggota kerja Majlis daripada hospital atau klinik swasta. Setiap anggota diberi peruntukan setiap tahun bagi perubatan anggota kerja termasuk keluarga. Pada tahun 2020 dan 2021 setiap anggota kerja memperolehi sebanyak RM300.00 setahun untuk membiayai perubatan. Manakala pada tahun 2022, peruntukan ditambah menjadi RM400.00 setiap anggota sebagai salah satu inisiatif kebajikan dan penghargaan pihak pengurusan Majlis kepada keseluruhan anggota kerja.